



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2/ Jld. 5 (58)

Tarikh: 12 September 2018

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2018***

PANDUAN MENANGANI ISU BEG BERAT MURID DI SEKOLAH

Surat siaran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah tentang panduan dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani isu beg berat murid semasa hadir ke sekolah.

2. Isu beg berat murid masih merupakan isu yang sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak dan mendatangkan keresahan kepada ibu bapa. Pemantauan ke sekolah oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada 17 Ogos 2018 mendapati bahawa beg murid di sekolah khususnya di sekolah rendah masih berat. Hal yang demikian kerana murid-murid yang membawa keperluan pembelajaran hariannya tidak mengikut jadual waktu persekolahan seperti yang ditetapkan. Berdasarkan kajian KPM pada tahun 2017, isu beg berat ini adalah disebabkan murid-murid membawa terlalu banyak buku termasuk buku-buku latihan, buku-buku swasta, kamus, buku komik, botol air, bekalan makanan, alat tulis yang melebihi keperluan termasuk baju sukan atau keperluan pakaian khas lain yang ditetapkan kepada murid oleh pihak sekolah. Berdasarkan kajian juga, jumlah buku teks dan buku aktiviti KPM sekiranya dibawa mengikut jadual waktu harian hanya menyumbang kepada 28% sahaja daripada berat keseluruhan tersebut.

3. Bagi menangani isu tersebut, kerjasama YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah memastikan arahan dan bimbingan yang jelas diberi kepada guru-guru dan murid-murid tentang keperluan pembelajaran yang sepatutnya dibawa oleh murid setiap hari ke sekolah. Sebagai panduan, pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan perlu merujuk kepada langkah-langkah seperti berikut;

PENGURUSAN SEKOLAH

3.1 Panduan kepada pihak sekolah untuk membantu mengatasi masalah beg berat dalam kalangan murid.

- a. Menyusun semula jadual waktu supaya dapat disesuaikan antara 3 hingga 4 mata pelajaran dipelajari setiap hari.
- b. Galakkan pembelajaran secara modular dan PdPc yang selari dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) supaya aktiviti pentaksiran diselesaikan di dalam kelas/sekolah dan kerja rumah murid dapat dikurangkan.
- c. Wujudkan sistem loker (sekiranya berkemampuan) untuk menyimpan buku/barang lain yang tidak perlu dibawa pulang. Hanya buku yang diperlukan untuk kerja rumah sahaja dibawa balik.
- d. Sentiasa adakan perbincangan dua hala dengan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)/ibu bapa untuk mengatasi masalah berat beg murid.
- e. Boleh sediakan kemudahan air minuman secara percuma supaya murid tidak perlu membawa bekalan air dari rumah (tertakluk kepada persetujuan sekolah dengan pihak kantin/PIBG).
- f. Boleh mempertimbangkan meja khas yang berloker dan berkunci – sebagai inovasi dan alternatif kepada loker biasa yang diletakkan di luar kelas .
- g. Melaksanakan pemeriksaan berat beg murid secara berkala.

PANDUAN ARAHAN GURU

- 3.2 Panduan kepada guru untuk membantu mengatasi masalah beg berat dalam kalangan murid;
- a. Berikan arahan yang jelas kepada murid tentang buku/bahan yang perlu dibawa untuk kelas pada hari berikutnya.
 - b. Minimumkan penggunaan buku latihan untuk satu-satu mata pelajaran (bagi murid Tahap 2).
 - c. Nasihatkan murid supaya membawa buku dan barang lain mengikut jadual waktu dan keperluan pembelajaran.
 - d. Rancang aktiviti Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dan disarankan semua aktiviti/latihan (pemulihan/pengukuhan/pengayaan) dilaksanakan dalam kelas. Sekiranya tidak selesai, aktiviti/latihan tersebut disambung dalam pelajaran yang akan datang.
 - e. Galakkan murid menyimpan buku/barang lain dalam loker/kabinet (sekiranya disediakan dalam kawasan sekolah).

BIMBINGAN KEPADA MURID

- 3.3 Panduan bimbingan kepada murid untuk mengatasi masalah beg berat dan menjaga postur serta kesihatan tulang belakang murid.
- a. Menasihati dan membimbing murid agar membawa buku teks dan buku aktiviti mengikut jadual waktu.
 - b. Menasihati dan membimbing murid agar membawa barang keperluan pembelajaran yang diperlukan sahaja ke sekolah.
 - c. Menasihati dan membimbing murid agar sentiasa memeriksa dan menyusun buku dan barang keperluan pembelajaran lain dalam beg setiap hari.

- d. Menasihati dan membimbing murid agar menyimpan buku dan barang keperluan pembelajaran lain yang tidak diperlukan untuk kerja rumah di dalam loker/kabinet (sekiranya disediakan oleh sekolah).
- e. Penggunaan beg beroda tidak digalakkan kerana berat dan penggunaannya boleh mendatangkan masalah kepada bahu.

SYOR KEPADA IBU BAPA/PENJAGA

- 3.4 Syor sebagai panduan kepada ibu bapa/penjaga untuk membantu mengatasi masalah beg berat dalam kalangan anak dan menjaga postur serta kesihatan tulang belakang anak.
- a. Sediakan beg sekolah yang sesuai untuk digunakan oleh anak untuk dibawa ke sekolah.
 - b. Galakkan dan bimbing anak menyusun buku dan barang dalam beg mengikut keperluan pembelajaran/jadual waktu yang disediakan oleh pihak sekolah.
 - c. Pujuk amalan memeriksa dan menyusun beg setiap hari dalam kalangan anak.
 - d. Elakkan anak daripada membawa buku berkulit tebal (buku catatan/buku komik/buku rujukan).
 - e. Bimbing anak menurunkan beg dari bahu/meletakkan beg ketika menunggu kenderaan, semasa perhimpunan dan sebagainya.
 - f. Sisih barang dalam beg anak seminggu sekali (untuk membuang cebisan kertas, mengeluarkan barang & buku yang tidak berkaitan, menggantikan pensel yang patah dan sebagainya).

4. Selain panduan seperti di perkara 3.1 hingga 3.4 tersebut, pihak pengurusan sekolah juga boleh menggunakan budi bicara sewajarnya dalam mengurangkan permasalahan beg berat murid di sekolah masing-masing.

5. Pihak sekolah perlu menyediakan poster atau brosur berkaitan isu beg berat dengan memasukkan maklumat asas seperti takrifan beg berat iaitu 15 peratus dari berat murid serta langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengurangkan berat tersebut.

6. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



HAJI AMINUDIN BIN ADAM
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan – timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan – timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang – undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia